

03/09/1998

Had keluar wang tidak jejas pelajar

Syuhada Choo Abdullah

KABINET memberi jaminan bahawa langkah terbaru menetapkan had membawa dan menghantar keluar wang tunai dari negara ini tidak akan menjejaskan pelajar tajaan kerajaan serta swasta yang mengikuti pengajian di seberang laut.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata Bank Negara Malaysia (Bank Negara) akan memastikan pelaksanaan pentadbiran untuk meluluskan permohonan membawa atau menghantar wang tunai bagi urusan kritikal seperti mengadakan lawatan di atas tujuan perniagaan serta melanjutkan pelajaran ke luar negara, berjalan licin dan lancar.

Justeru, walaupun ditetapkan hadnya, katanya, Bank Negara akan meluluskan permohonan yang disokong dengan bukti jelas mengenai yuran pengajian dan kos sara hidup di luar negara.

"Cuma, pihak terbabit kini perlu mengisi lebih banyak borang berbanding dulu, selain bertambah beban pentadbiran.

"Di samping itu, langkah berkenaan juga tidak akan menjejaskan usaha untuk menjadikan negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau. Kita hendak mempermudah pelajar asing mengikuti pengajian di Malaysia," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Kementerian Pendidikan di Kuala Lumpur, semalam.

Semalam, kerajaan mengumumkan peraturan kawalan tukaran mata wang dengan mengehadkan jumlah keluar masuk wang tunai berkuatkuasa 1 Oktober ini dan mengikat nilai ringgit pada kadar tetap tidak lama lagi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah drastik itu bertujuan menstabilkan ringgit dan melindungi Malaysia daripada kesan perkembangan terkini dalam persekitaran ekonomi serta kewangan dunia.

Mengulas lebih lanjut, Najib berkata langkah terbaru itu tepat pada masanya.

Menurutnya, ini kerana antara faktor boleh mendorong pemulihan ekonomi negara ialah kestabilan nilai ringgit yang akan memudahkan pelabur serta ahli perniagaan untuk membuat perancangan masa depan.

Berikutan itu, katanya, beliau yakin kelebihan dari segi kos yang amat ketara jika pihak terbabit melabur serta mewujudkan kilang dalam bentuk pelaburan jangka panjang di Malaysia, kemungkinan besar langkah kerajaan itu akan menyaksikan peningkatan kemasukan pelaburan luar negara.

Beliau berkata, ini kerana nilai mata wang negara lebih pasti dan kos pihak pelabur juga lebih terjamin berbanding keadaan nilai ringgit sering turun dan naik akibat tekanan pihak yang memperdagangkan ringgit, sama ada di dalam atau luar negara, terutama pusat kewangan di luar pesisir.

"Saya percaya langkah itu akan mendorong pelabur bersifat jangka panjang berfikir lebih serius untuk membuat atau membuka pelaburan di Malaysia.

"Langkah itu menunjukkan kesungguhan kerajaan kerana model kawalan pertukaran kali ini berbeza dengan negara lain di mana kita tidak menyekat kemasukan atau pengaliran pelaburan yang bersifat tulen dan jangka panjang.

"Kita mengawal mereka yang mahu menggunakan pasaran di Malaysia sebagai tempat memperdagang dan mengambil keuntungan daripada turun naik mata wang kita," katanya.

Najib berkata, aspek paling penting ialah peluang untuk pelabur berikutan kelebihan dari segi kos menjalankan perniagaan yang amat rendah serta kompetatif di negara ini.

Menurutnya, langkah kerajaan mengeluarkan ataupun mengurangkan elemen dalam

ketidakstabilan nilai mata wang negara adalah suatu faktor besar perkiraan seseorang bakal melabur.

(END)